

PEMIKIRAN SYEIKH MUHAMMAD ARSYAD AL-BANJARI BERKAITAN ISU LOKALITI DAN PEMINDAHAN ZAKAT: ANALISIS TERHADAP KITAB *SABIL AL-MUHTADIN*

*¹Muhd Imran Abd Razak, ¹Muhammad Yusri Yusof @Salleh, ¹Paiz Hassan,
¹Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, ²Rahimin Affandi Abdul Rahim

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak
32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

²Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)
50603 Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia

*Email penulis: imranrazak@perak.uitm.edu.my

Abstrak

Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari adalah seorang sarjana Islam yang berasal daripada Martapura, Banjarmasin. Antara karya beliau yang popular adalah kitab *Sabil al-Muhtadin* yang menjadi rujukan utama kepada pengajian fiqh syafi'i di Nusantara. Penulisan artikel ini memfokuskan kepada pemikiran Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam beberapa isu zakat semasa terutamanya isu lokaliti dan pemindahan hasil zakat. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif sepenuhnya dengan menggunakan kajian kepustakaan dan kajian teks sebagai instrumen utama. Kajian kepustakaan menumpukan kepada kajian-kajian lepas yang pernah dijalankan berkaitan tokoh ini samada dalam bentuk jurnal, buku dan kertas kerja persidangan. Kajian kepustakaan juga turut digunakan bagi memperincikan perbincangan fiqh terhadap isu yang dikaji. Pendekatan kajian teks (matan) juga dilakukan terhadap kitab *Sabil al-Muhtadin* terutamanya ketika meneliti pemikiran Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam isu lokaliti dan pemindahan zakat serta membandingkannya dengan pandangan sarjana Islam silam dan kontemporari. Artikel ini memberikan nilai tambah terhadap isu yang dikaji dan mencadangkan penambahbaikan terhadap sistem sedia ada terutamanya dalam isu pemindahan hasil zakat antara wilayah dan negeri di Malaysia.

Kata Kunci: Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, lokaliti, zakat, *Sabil al-Muhtadin*

1.0 PENGENALAN

Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari adalah seorang ulama tersohor di rantau Alam Melayu. Beliau bukan sahaja seorang pakar rujuk dalam bidang keagamaan bahkan seorang penulis yang sangat prolific dengan karya-karyanya dalam pelbagai bidang. Antara karya beliau yang termasyhur adalah kitab *Sabil al-Muhtadin* yang mengupas aspek-aspek fiqh yang bersifat praktikal dan semasa serta menjadi rujukan dan panduan bagi pelajar dan sarjana Islam di Nusantara. Nama penuh kitab ini adalah *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din*, yang ertinya adalah "Jalan Bagi Orang-Orang Yang Mendapat Petunjuk Untuk Mendalami Urusan-Urusan Agama". Oleh kerana kitab ini telah dihasilkan di Banjar, penulisan di dalamnya mempunyai unsur dan elemen tempatan kerana sasaran pembacanya adalah khalayak masyarakat Melayu Nusantara.

Artikel ini memfokuskan pandangan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari berkaitan isu dalam *fiqh al-zakah*, khususnya berkaitan lokaliti dan pemindahan hasil zakat serta membandingkannya dengan

pandangan-pandangan sarjana hukum dalam isu berkenaan. Kajian yang mendalam terhadap pandangan-pandangan fiqh yang pelbagai dalam isu lokaliti dan pemindahan zakat begitu signifikan khususnya dalam berhadapan masalah ketidakseimbangan jumlah kutipan dan pemindahan hasil zakat kepada golongan asnaf yang berhak untuk memilikinya. Kajian sebegini juga bersesuaian dengan realiti Malaysia yang terbuka dalam menerima pandangan pelbagai mazhab demi kemaslahatan ummah walaupun umumnya mazhab Syafie telah dijadikan sebagai rujukan utama (Luqman Abdullah et. al., 2013, hh. 139-142; Ummi Farahin Yasin, 2013, h. 95).

2.0 BIODATA SYEIKH MUHAMMAD ARSYAD AL-BANJARI

Menurut Wan Mohd Shaghir Abdullah (2004), Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari merupakan ulama yang paling terkenal dalam kalangan para ulama yang berasal dari Borneo atau Kalimantan. Nama penuh beliau ialah Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah bin Abdur Rahman al-Banjari bin Saiyid Abu Bakar bin Saiyid Abdullah al-Aidrus bin Saiyid Abu Bakar as-Sakran bin Saiyid Abdur Rahman as-Saqaf bin Saiyid Muhammad Maula ad-Dawilah al-Aidrus dan nasabnya sampai kepada Saidina Ali bin Abi Thalib dan Saidatina Fatimah bin Nabi Muhammad S.A.W. (Abdul Rahman Abdullah, 2016). Kedatangan datuk nenek Syeikh Muhammad Arsyad ke Alam Melayu telah menjadi pertikaian. Ada riwayat mengatakan bahawa Saiyid Abdullah bin Saiyid Abu Bakar as-Sakran adalah orang yang pertama datang ke Alam Melayu. Beliau telah datang ke Filipina, dan berjaya mendirikan Kerajaan Mindanao. Saiyid Abu Bakar adalah datuk kepada Syeikh Muhammad Arsyad yang merupakan Sultan Mindanao (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2009).

Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari telah dilahirkan pada malam Khamis, pukul 3.00 (waktu sahur), 15 Safar 1122 H/17 Mac 1710 M (Abdul Rahman Abdullah, 2016). Beliau dilahirkan di Kampung Lok Gabang, Martapura, Banjarmasin. Bapanya Abdullah merupakan seorang pemuda yang dikasihi sultan pada masa itu, Sultan Hamidullah atau Tahmidullah bin Sultan Tahlilullah (1700-1734M). Bapanya bukan asal orang Banjar, tetapi datang dari India untuk menyebarkan dakwah dan merupakan seorang ahli seni ukiran kayu (Anon, 2005). Semasa kecil, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari seorang yang cerdas serta mempunyai akhlak yang baik dan terpuji. Kehebatan beliau sejak kecil ialah dalam bidang seni lukis dan seni tulis. Pada suatu ketika, sultan mengadakan kunjungan ke kampung-kampung. Apabila baginda sultan sampai ke kampung Lok Gabang, baginda berkesempatan melihat hasil karya lukisan Muhammad Arsyad yang indah dan memukau. Justeru itu, sultan berhajat untuk memelihara dan mendidik Syeikh Muhammad Arsyad yang ketika itu baru berusia 7 tahun. Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari mendapat pendidikan penuh di istana sehingga usianya mencapai 30 tahun. Kemudian, beliau dikahwinkan dengan seorang perempuan yang solehah bernama Tuan Bajut. Hasil perkahwinan, beliau memperoleh seorang puteri yang diberi nama Syarifah (Anon, 2005). Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari berkahwin sebanyak 11 kali. Daripada enam orang isterinya beliau mendapat zuriat yang sangat ramai. Antara yang pernah menjadi mufti ialah Haji Jamaluddin bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dan Haji Ahmad bin Syeikh Muhd. Arsyad al Banjari (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2008).

Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari telah meneruskan pengajiannya di Mekah dan Madinah. Semua perbelanjaannya ditanggung oleh Sultan Tamjidillah (1745-1778M) dan pengganti baginda Sultan Tahmidillah (1778-1808M) (Anon, 2005). Beliau belajar di kota Mekah sekitar tiga puluh tahun dan di Madinah sekitar lima tahun. Sahabatnya yang paling rapat dan penting ialah Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, Syeikh Abdur Rahman al-Mashri al-Batawi, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syeikh Abdul Wahab Sadengreng (Bugis), Syeikh Muhammad Salih bin Umar al-Samarani atau 'Semarang' dan Syeikh Abdul Wahab Bugis yang akhirnya menjadi menantu beliau. Guru-gurunya pula ialah Syeikh Muhammad bin Sulaiman al-Kurdi, Syeikh Athallah atau Atailah bin Ahmad al-Misriy, Syeikh Muhammad bin Abd Karim al-Qadiri, Syeikh Ahmad bin Abd Mun'im al-Damanhuri, Syeikh Hasan bin Ahmad Akisy al-Yamani, Sheikh Salim bin Abdullah al-Basri dan Syeikh Muhammad bin Abdul Karim

as-Sammani al-Madani. Ketika belajar di Mekah beliau tinggal di sebuah rumah yang dibeli oleh Sultan Banjar. Rumah tersebut terletak di kampung Samiyah yang disebut juga dengan Barhat Banjar. Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dan kawan-kawannya selain belajar kepada ulama-ulama bangsa Arab, juga belajar kepada ulama-ulama yang berasal dari dunia Melayu. Diantara guru mereka yang berasal dari dunia Melayu ialah Syeikh Abdur Rahman bin Abdul Mubin Pauh Bok al-Fathani, Syeikh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Aceh dan Syeikh Muhammad ‘Aqib bin Hasanuddin al-Falimbani (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2009).

Setelah berada selama tiga puluh tahun di Makkah dan lima tahun di Madinah, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari pulang ke tanah air untuk menyebarkan Islam. Setibanya beliau ke kampung halamannya, beliau membuka pusat pengajian untuk memudahkan masyarakat Islam menimba ilmu pengetahuan (Anon, 2005). Pusat pengajiannya dinamakan “Dalam Pagar” dan beliau mengajar di situ selama 20 tahun. Para muridnya datang dari seluruh pelusuk kerajaan Banjar dan apabila tamat pengajian mereka menyebarkan ilmu yang diperolehi di daerah masing-masing sehingga Islam berkembang dengan pesat di jajahan kerajaan Banjar (H. M. Asywadie Syukur, 1987). Selain itu, Syeikh Muhammad Arsyad turut membiasakan diri bersama orang kampung berkebun, bersawah, dan bertani. Di samping aktif mengajar dan mendidik masyarakat Islam yang datang dari pelbagai pelosok daerah, beliau turut turun berdakwah ke segenap lapisan masyarakat yang terdiri daripada rakyat biasa hinggalah kepada golongan pembesar dan bangsawan. Dalam menyampaikan dakwah, Syeikh Muhammad Arsyad telah menggunakan pelbagai kaedah iaitu *Dakwah bil Hal* (dakwah yang menggunakan pendekatan contoh dan akhlak yang dipamerkan oleh beliau), *Dakwah bil Lisan* (dakwah yang menggunakan pendekatan lidah dengan mengajak dan menyeru) dan *Dakwah bil Kitabah* (dakwah dengan menggunakan pendekatan penulisan buku dan risalah) (Anon, 2005).

Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari akhirnya menjadi seorang ulama besar tanah Jawi atau dunia Melayu kerana banyak ilmu keislaman telah dipelajarinya semasa belajar di kota Mekah dan Madinah daripada para guru dan ulama yang diiktiraf kepakarannya. Kealaman beliau diakui oleh ulama-ulama yang datang kemudian daripada beliau kerana banyak bukti-bukti keilmuannya berupa karya-karyanya terutama melalui karangannya yang paling terkenal *Sabil al-Muhtadin*. Selain itu keturunan beliau sangat ramai yang menjadi ulama. Ini sebagai bukti bahawa Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari telah berhasil menyebarkan ilmu selain untuk dirinya, keturunannya dan masyarakat Banjar malah pengaruhnya juga dirasakan di seluruh Alam Melayu. Realitinya, belum ditemui terdapat ulama di Alam Melayu yang tidak kenal dengan karya agungnya *Sabil al-Muhtadin* (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2008).

Walaupun Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dipercayai pernah mengajar di Mekah, namun karya yang dihasilkannya ditulis di Banjar. Beliau banyak mencurahkan khidmatnya di tempat kelahirannya sendiri. Ketika pulang ke Banjar, beliau sangat sibuk mengajar dan menyusun perkara yang bersangkutan dengan dakwah, pendidikan dan pentadbiran Islam. Walaupun begitu beliau masih sempat menghasilkan beberapa buah karangan. Antaranya ialah *Tuhfah ar-Raghibin fi Bayani Haqiqah Iman al-Mu'minin wa ma Yufsiduhu Riddah ar-Murtaddin* (1188H/1774M), *Luqtah al-'Ajlan fi al-Haidhi wa al-Istihadhah wa an-Nifas an-Nis-yan* (1192H/1778M), *Sabil al-Muhtadin li at-Tafaquhi fi Amri ad-Din* (1195H/1780M), *Risalah Qaul al-Mukhtashar* (1196H/1781M), *Kitab Bab an-Nikah, Bidayah al-Muhtadi wa 'Umdah al-Auladi, Kanzu al-Ma'rifah, Kitab al-Faraid, Bulugh al-Maram, Fat-h ar-Rahman, Arkanu Ta'lim as-Shibyan, Hasyiyah Fat-h al-Wahhab* dan *Mushhaf al-Quran al-Karim* (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2005). Karyanya yang paling terkenal di Alam Melayu ialah *Sabil al-Muhtadin* yang membicarakan fiqh ibadah mazhab Syafie. Beliau meninggal dunia pada malam Selasa di antara waktu Maghrib dan Isyak, pada 6 Syawal 1227 Hijrah bersamaan 13 Oktober 1812 Masihi Beliau meninggal dunia pada usia 105 tahun dengan meninggalkan sumbangan yang besar terhadap masyarakat Islam di Nusantara (Abdul Rahman Abdullah, 2016).

3.0 KITAB *SABIL AL-MUHTADIN*

Pelbagai karya ilmiah telah dikarang oleh para ulama nusantara sebagai sebuah media penting untuk menyampaikan pengetahuan terutamanya berhubung hal ehwal agama Islam. Karya-karya tersebut telah muncul sebagai khazanah warisan yang bernilai tinggi pada abad ini. Ia tetap dipelajari dan dijadikan panduan masyarakat bukan sahaja di Nusantara malah turut dijadikan panduan dan kajian di peringkat antarabangsa. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa karya-karya tersebut tetap mempunyai pengaruh yang luas dalam bidang intelektual.

Kitab *Sabil al-Muhtadin* merupakan kitab Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari yang paling masyhur. Kemasyhuran kitab ini akhirnya menjadi khazanah di beberapa perpustakaan besar iaitu di Makkah, Mesir, Turki, dan Beirut. Karya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari ini juga telah menjadi kitab fiqh Melayu ini amat popular dan tersebar luas di seluruh Nusantara yang merangkumi Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand, Kemboja, dan Brunei. Terdapat di dalam dua jilid, jilid pertama mempunyai 252 halaman dan jilid kedua 272 halaman. Perbincangan dalam kitab ini meliputi persoalan ibadah yang menyentuh thaharah, solat, puasa, zakat, haji, akikah, korban, makanan yang halal dan haram serta sembelihan.

Sabil al-Muhtadin merupakan kitab tulisan jawi yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari atas permintaan Sultan Tahmidillah Bin Sultan Tamjidillah. Penulisannya mengambil masa selama dua tahun bermula pada tahun 1193H/1779M dan selesai pada 27 Rabiul Akhir 1195H/1780 M. Kitab ini pertama kali dicetak di Istanbul pada tahun 1300H/1882M kemudian diulang cetak di Kaherah dan Makkah (H. M. Asywadie Syukur, 1987).

4.0 PERBINCANGAN FIQH BERKAITAN ISU LOKALITI DAN PEMINDAHAN ZAKAT

Para fuqaha sepakat mengatakan zakat ternakan, bijian dan buah-buahan hendaklah diagihkan kepada asnaf zakat di tempat harta itu berada. Panduan asas yang perlu dipatuhi oleh para amil dalam pengurusan harta zakat adalah berdasarkan kaedah (al-Qaradawi, 1973):

“Harta zakat hendaklah diagihkan di tempat mana ia dikutip”

Bagi zakat wang pula secara umumnya digariskan panduan bagi para amil (al-Qaradawi, 1973):

“Pengagihan zakat mengikut di mana harta itu berada dan bukan mengikut pemilik”

Hukum pemindahan zakat ke negeri lain perlu dilihat berdasarkan keadaan penduduk setempat. Pertama, situasi di mana penduduk setempat tidak memerlukan wang zakat dan menyebabkan harta zakat diagihkan ke negeri lain. Kedua, penduduk setempat amat memerlukan harta zakat tetapi harta tersebut diagihkan ke negeri lain.

4.1 Penduduk Setempat Tidak Memerlukan Agihan Zakat

Para fuqaha bersepakat mengharuskan harta zakat diagihkan keluar ke negeri lain apabila didapati penduduk setempat tidak memerlukannya seperti penduduk di situ tiada langsung yang termasuk dalam asnaf zakat atau terdapat lebih harta zakat sesudah diberikan kepada mereka. Menurut Ibn Qudamah harus untuk memindahkan zakat ke tempat lain sekiranya sudah tiada orang yang berhak untuk menerimanya atau berlaku lebih zakat di tempat tersebut (al-Qaradawi, 1973). Abu ‘Ubaid (1975) meriwayatkan daripada ‘Amru Ibn Syu‘aib:

“Muaz bin Jabal terus berada di al-Jund sejak dari mula dia dihantar ke situ oleh Rasulullah SAW sehinggalah Rasulullah SAW dan diikuti dengan kematian khalifah Abu Bakar. Beliau kemudian pergi menemui khalifah Umar tetapi dihantar balik untuk meneruskan tugasannya sebelum itu. Muaz selepas itu menghantar kepada khalifah

Umar sejumlah 1/3 dari zakat yang dibayar oleh penduduk Yaman. Saidina Umar membantah tindakan beliau dengan berkata: Aku tidak menghantar kamu untuk menjadi pemungut atau pengambil jizyah, tetapi untuk memungut daripada orang kaya untuk diberikan kepada orang miskin dari kalangan mereka. Muaz berkata: Aku tidak akan menghantar apa-apa kepada kamu kalau aku dapati ada orang di sini yang akan menerima bahagian itu daripada aku. Pada tahun kedua muaz menghantar separuh daripada zakat yang dipungut. Saidina Umar dan beliau berbicara seperti tadi. Pada tahun ketiga beliau menghantar kepada Saidina Umar semua sekali hasil pungutan zakat. Saidina Umar bertanya soalan yang sama kepada Muaz. Muaz menjawab: Tiada seorang pun penduduk di sana yang mahu mengambil apa-apa daripada aku”.

Menurut sebilangan ulama Maliki pengagihan zakat ke negeri lain adalah wajib sekiranya tidak terdapat langsung asnaf zakat tempatan sedangkan harta zakat masih banyak. Ini ditegaskan oleh al-Dasuqi (al-Dasuqi, t.t.):

“Sekiranya tidak terdapat penduduk tempatan yang layak untuk menerima zakat di tempat zakat itu dipungut maka kesemua zakat tersebut wajib diagihkan ke tempat lain walaupun tempat itu berada pada jarak had qasar solat”

Yusuf al-Qaradawi berpendapat dibolehkan untuk memindahkan dana zakat dari kawasan agihan sekiranya tiada penduduk setempat yang memerlukan dan keharusan ini merupakan suatu perkara yang diijmakan oleh semua fuqaha. Pentadbir harta zakat atau individu perseorangan boleh memindahkan dana zakat ke negeri lain jika terdapat kemaslahatan yang patut diutamakan di tempat tersebut (al-Qaradawi, 1973). Al-Bukhari lebih terbuka dalam permasalahan ini dengan mengharuskan secara mutlak perpindahan dana zakat ke negeri lain berdasarkan keumuman ayat 60 surah al-Taubah yang hanya menyebut asnaf yang layak untuk menerima zakat tanpa dikhususkan tempat (Ibn Hajar al-Asqalani, 1986). Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan”

(al-Taubah: 60)

4.2 Penduduk Setempat Amat Memerlukan Harta Zakat Tetapi Harta Tersebut Diagihkan Ke Negeri Lain

Para fuqaha berbeza pandangan dalam permasalahan ini. Secara umumnya terdapat tiga pandangan di kalangan mereka:

Pandangan pertama: Golongan yang tidak mengharuskan.

Sebahagian mazhab amat ketat pandangannya dalam isu ini di mana bagi mereka tidak harus untuk memindahkan zakat daripada satu negeri ke negeri lain atau memindahkan zakat ke tempat yang jaraknya dua marhalah walaupun perpindahan harta zakat tersebut kerana ada keperluan (al-Qaradawi, 1973).

Ulama Mazhab Syafie berpandangan zakat tidak boleh dipindahkan dari satu negeri ke negeri yang lain dan wajib diagihkan kepada penduduk setempat sahaja. Pandangan ini turut dipersetujui oleh ulama mazhab Hanbali bahkan menurut mereka sekiranya diagihkan juga kepada penduduk luar sedangkan di kawasan mereka masih terdapat asnaf yang memerlukannya, perbuatan tersebut dianggap berdosa. Walau

bagaimanapun pemberian tersebut sah kerana menyerahkan harta zakat kepada golongan yang berhak untuk menerimanya. Terdapat sebilangan ulama mengatakan tidak sah pemberian tersebut kerana perbuatan tersebut dianggap menyalahi nas syarak (al-Qaradawi, 1973). Asas pandangan ini adalah berdasarkan hadis Nabi SAW (al-Nawawi, 1983, hh. 196-197) yang bermaksud:

“Bahawasanya Rasulullah SAW ketika mengutuskan Muaz ke Yaman, Baginda bersabda kepadanya, sesungguhnya engkau akan pergi pada satu kaum daripada ahli kitab maka hendaklah perkara pertama yang engkau seru mereka ialah mengucap bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, dan jika mereka mentaatimu mengenai perkara tersebut maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah memfardhukan ke atas mereka sembahyang lima waktu sehari semalam, dan jika mereka mentaatimu mengenai perkara tersebut maka khabarkanlah mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka zakat yang diambil daripada orang-orang kaya dalam kalangan mereka dan diberikan kepada golongan fakir dalam kalangan mereka”.

Hadis di atas jelas menunjukkan Rasulullah SAW meminta kepada Muaz memungut zakat daripada penduduk Yaman dan diagihkan kepada asnaf fakir di kalangan mereka. Bahkan Muaz sendiri membuat ketetapan bahawa zakat harta perlu dibayar di tempat di mana harta itu berada sekalipun tuan punya harta berada di negeri lain (Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 2003).

Pandangan kedua: Golongan yang mengatakan makruh.

Ulama Hanafi berpandangan makruh memindahkan dana zakat ke tempat lain. Pengecualian hanya diberikan dalam hal-hal di bawah (Muhammad Syukri Salleh, 2004, hh. 114-115):

- i. Pemberian zakat kepada kaum kerabat yang memerlukannya kerana pemberian tersebut boleh mengeratkan silaturrahim di antara mereka.
- ii. Pemberian zakat kepada seseorang atau sekelompok masyarakat yang amat memerlukan berbanding penduduk tempatan.
- iii. Perpindahan zakat daripada negara kafir yang memusuhi Islam ke negara Islam. Ini kerana pemberian zakat kepada golongan fakir yang menetap di negara Islam lebih diutamakan berbanding golongan fakir yang tinggal di negara yang memusuhi Islam.
- iv. Pemberian zakat kepada orang yang terkenal dengan kewarakan dan kesolehan.

Pandangan ketiga: Golongan yang mengharuskan.

Terdapat juga pandangan yang mengharuskan pemindahan harta zakat ke tempat lain. Mereka berpegang kepada keumuman ayat 60 dalam surah al-Taubah yang hanya menyebut asnaf zakat tanpa dikhususkan tempat pengagihan zakat. Fuqaha mengharuskan pengagihan zakat di negeri lain namun keharusannya tidak secara mutlak. Keharusan ini hanya dibolehkan sekiranya terdapat kemaslahatan dan keperluan yang mendesak oleh penduduk di negeri tersebut. Imam Malik berkata (al-Qurtubi, 2006):

“Zakat tidak boleh dipindahkan kecuali dengan ijihad pemerintah demi memenuhi keperluan penduduk mana-mana negeri.”

Sahnun menambah lagi sekiranya pemerintah mendapat perkhabaran terdapat tempat atau negeri lain yang lebih memerlukan harta zakat atau kawasan tersebut ditimpa musibah maka harus bagi pemerintah memindahkan sebahagian harta zakat untuk diagihkan ke tempat tersebut. Menurut Ibn al-Qasim diharuskan memindahkan harta zakat ke negeri lain kerana darurat (al-Qurtubi, 2006).

Abu Ubaid (1975) meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda kepada Qabisah ibn al-Mukhariq berkaitan dengan pembayaran diyat:

“Tunggu sehingga sampai kepada kita sedekah (zakat). Sama ada kami akan menolong kamu membayarnya atau kami akan menanggung diyat itu bagi pihak kamu.”

Hadis ini menunjukkan zakat boleh dipindahkan ke tempat lain kerana zakat di atas dipungut di Hijaz sedangkan Qabisah berada di Najd (Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 2003).

Dalam satu riwayat, Muaz bin Jabal telah meminta kepada penduduk Yaman untuk menyerahkan kepadanya pakaian atau panah sebagai ganti gandum dan jagung untuk diagihkan kepada orang Muhajirin di Madinah (al-Qurtubi, 2006). Khalifah Umar al-Khattab juga telah mengagihkan zakat kepada penduduk Madinah yang ditimpa musim kemarau.

Ibn Arabi pula mengkategorikan bahagian asnaf zakat kepada dua kategori iaitu bahagian untuk fakir dan miskin serta bahagian untuk baki asnaf lain. Peruntukan untuk asnaf fakir dan miskin hendaklah diagihkan di dalam kawasan pungutan sementara yang lain terserah kepada kebijaksanaan pemerintah (Ibn Arabi, 1984).

Al-Qaradawi ketika mengulas isu ini berpendapat tidak menjadi kesalahan bagi pemerintah untuk memberikan zakat kepada penduduk luar sekiranya pada pandangan pemerintah setelah membuat kajian yang mendalam mendapati adanya keperluan dan kemaslahatan umum bagi masyarakat di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun pengagihan hanya merangkumi sebahagian sahaja daripada dana zakat dan bukannya keseluruhannya (al-Qaradawi, 1973).

5.0 ANALISIS PEMIKIRAN SYEIKH MUHAMMAD ARSYAD AL-BANJARI BERKAITAN ISU LOKALITI DAN PEMINDAHAN ZAKAT DALAM *SABIL AL-MUHTADIN*

Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari melalui penulisannya di dalam kitab *Sabil al-Muhtadin* telah menghuraikan bab berkaitan zakat dengan kupasan yang terperinci berasaskan pandangan mazhab Shafie. Ia meliputi perbincangan berkaitan zakat binatang ternak, zakat tumbuh-tumbuhan, zakat emas dan perak, zakat *ma'din*, *rikaz* dan perdagangan dan juga zakat fitrah. Selain perbincangan berkaitan jenis-jenis zakat tersebut, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari turut menyertakan perbincangan berkaitan pembahagian, lokaliti dan pemindahan zakat yang menjadi fokus kertas kerja ini.

Sebelum menjelaskan dengan lebih lanjut, berikut adalah beberapa istilah penting yang digunakan oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam perbincangan berkaitan pemindahan zakat yang berbeza maknanya daripada apa yang difahami dalam bahasa Melayu (Rajah 1):

Rajah 1 Istilah Pemindahan Zakat dalam *Sabil al-Muhtadin*

Istilah dalam <i>Sabil al-Muhtadin</i>	Maksudnya
<i>Mustahak</i>	Asnaf (orang yang berhak menerima zakat)
<i>Imam / Sultan</i>	Pemerintah
<i>Sa'i</i>	Amil
<i>Qadi</i>	Hakim
<i>Malik</i>	Pemilik harta / orang yang wajib zakat

Secara umumnya, pandangan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam isu lokaliti dan pemindahan boleh dibahagikan kepada kepada dua bahagian, iaitu pemindahan lokaliti oleh pemilik harta (orang yang wajib zakat) dan pemindahan lokaliti harta zakat oleh pemerintah.

5.1 Pemindahan Lokaliti Oleh Pemilik Harta (Orang Yang Wajib Zakat)

Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (t.t.) menyatakan tidak boleh bagi seseorang pemilik harta ingin memindahkan zakat harta atau zakat fitrah ke negeri lain sedangkan dalam masa yang sama terdapat *mustahak* atau asnaf di negeri yang sepatutnya zakat itu dikeluarkan. Beliau membawakan hadis (al-‘Asqalani, 1986, h. 3):

“Diambil zakat itu daripada orang kaya dan diberikan kepada semua orang yang fakir di kalangan mereka”

Berdasarkan hadis tersebut, beliau menyatakan semua asnaf berhajat untuk mendapatkan zakat daripada negeri yang didiaminya. Jika pemindahan tempat berzakat terjadi, ia akan menimbulkan bukan sahaja masalah fizikal, malah masalah rohani di kalangan asnaf. Kata Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (t.t.):

“Dan memindahkan zakat daripada tempat membawa kepada melebarkan dan memutuskan pengharapan hati mereka itu”

Mengulas lanjut berkaitan masalah pemindahan tempat berzakat kepada negeri yang terdekat, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (t.t.) menyatakan:

“tempat tertegah memindahkan zakat kepada negeri yang lain jika tiada ia hampir adapun jika ada negeri yang lain itu hampir dengan negeri zakat seperti bahawa dibangsakan ia kepada negeri zakat pada uruf sekira-kira negeri yang dibilangkan itu negeri yang satu maka harus dipindahkan zakat kepadanya”

Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari berpandangan adalah diharuskan untuk memindahkan lokasi berzakat jika lokasi pemindahan tersebut berdekatan dengan negeri zakat yang lain. Pemilik harta boleh memilih sama ada ingin berzakat di negeri beliau berada atau kepada negeri lain yang lokasinya begitu hampir dengan kawasan tersebut. Bagi menguatkan pendapat yang dipegang, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari telah menyatakan pandangannya turut dipegang oleh Ibnu Hajar al-Haytami dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*. Walaubagaimanapun, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari turut menyatakan pendapat Khatib al-Syarbini dalam *Mughni al-Muhtaj* yang berpandangan sebaliknya bahawa tidak harus bagi pemilik harta memindahkan lokasi berzakat ke negeri yang walaupun jarak antara dua negeri tersebut begitu hampir.

Selain daripada itu, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (t.t.) turut membawakan beberapa pandangan fuqaha mazhab Syafie dalam isu yang berkaitan, iaitu:

- i. Abu Syakil: *“bahawa tempat tertegah memindahkan zakat itu pada yang lain daripada suatu negeri dan dusunnya adapun pada suatu negeri dan dusunnya maka tiada tertegah memindahkan zakat kepadanya”*.
- ii. Abu Hamid: *“tiada harus bagi orang yang di dalam negeri yang berkota memberikan zakatnya kepada orang yang di luar kota kerana yang demikian itu memindahkan zakat”*.
- iii. Zarkasyi menaqalkan daripada Abu Hamid dan Ibnu Sabag: *“bahawasanya Syeikh Abi Hamid dan Ibnu Sabag menghubungkan keduanya akan suatu negeri yang kurang daripada dua marhalah dengan segala mereka yang hadir di dalam satu negeri jua yakni*

mereka yang pada suatu negeri yang kurang daripada dua marhalah seperti hukum yang dalam satu negeri jua pada pihak harus memindahkan zakat kepada mereka itu”.

Walaupun, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari menyatakan semua pendapat tersebut telah didhaifkan oleh Ibnu Hajar al-Haytami dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj* (Arsyad al-Banjari, t.t.). Kesimpulannya, dalam isu pemindahan lokasi berzakat oleh pemilik harta ke negeri yang lain, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari telah memilih pandangan yang mengharuskan pemindahan tersebut dengan syarat lokasi negeri tersebut adalah berhampiran.

5.2 Pemindahan Lokaliti Harta Zakat Oleh Pemerintah

Berkenaan dengan isu lokaliti dan pemindahan zakat oleh pemerintah, pandangan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (t.t.) dalam masalah ini boleh dilihat dengan jelas dalam penulisannya di halaman 123, jil. 2, kitab *Sabil al-Muhtadin*:

“Adapun imam yakni sultan maka harus baginya memindahkan zakat mutlaqan dari kerana sekalian zakat orang yang di dalam tangannya seperti hukum satu zakat jua”

Kebenaran kepada pemerintah secara mutlak dalam aspek pemindahan harta zakat memperlihatkan bahawa beliau tidak hanya melihat keperluan ekonomi dalam skop yang kecil tetapi lebih mengambil keperluan-keperluan ekonomi semasa sebagai asas kepada pemilihan antara pendapat *fuqaha* khususnya antara khilaf yang berlaku (Muhammad Yusri Yusuf @Salleh et.al., 2006).

Mengulas lanjut, Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari turut menyatakan *Sa’i* atau Amil juga berhak untuk memindahkan harta zakat. Namun, jika pemerintah tidak mengizinkan, urusan pemindahan diserahkan semula kepada pemerintah. *Qadi* atau Hakim pula mempunyai hak untuk memindahkan harta zakat jika pemerintah tidak memberikan arahan kepada pihak lain untuk urusan tersebut. Unik, pemerintah, Amil atau Hakim masing-masing mempunyai hak untuk memberikan kebenaran kepada pemilik harta untuk memindahkan zakat hartanya ke wilayah-wilayah lain yang berada dalam kekuasaan pemerintah.

Walaupun, menurut Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari (t.t.), pemilik harta boleh juga memindahkan zakatnya tanpa keizinan daripada pemerintah jika:

- i. Terdapat sebahagian harta yang banyak di negeri-negeri lain.
Contohnya: jika terdapat 20 ekor kambing di satu negeri dan 20 ekor kambing lagi di negeri yang lain, hukumnya harus untuk memilih pengeluaran zakat di mana-mana negeri.
- ii. Haul sudah sampai sedangkan tiada asnaf yang berada di sekitar.
Contohnya: jika haul sudah sampai sedangkan harta masih di hutan atau desa yang tiada asnaf zakat sebagai penghuni, hukumnya boleh memindahkan zakat ke tempat terdekat lain yang mempunyai asnaf.
- iii. Tinggal di penempatan tidak tetap.
Contohnya: jika mereka tinggal di khemah-khemah yang berpindah-pindah, hukumnya boleh memindahkan zakat kepada asnaf yang berada di sekitar perkhemahan.
- iv. Jarak harta zakat di antara dua buah negeri adalah sama.
Hukum kedua-dua negeri itu adalah seperti satu negeri. Ini bermaksud zakat boleh diberikan kepada para asnaf salah satu daripada kedua-dua negeri atau kedua-duanya sekali.

Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam penulisan yang seterusnya turut menyatakan adalah wajib untuk memindahkan lokaliti harta zakat jika tiada keperluan harta zakat di kawasan tersebut. Kata Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (t.t.):

“jika tiada maujud sekalian bagi mustahak dalam negeri zakat atau ada lebih daripada kifayah mereka itu suatu daripadanya nescaya wajiblah memindahkan sekalian zakat atau yang lebih itu kepada mustahak yang berhampir kepadanya yang seumpama negeri zakat”

Walaupun bagaimanapun, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari menyatakan kewajipan untuk memindahkan zakat tersebut mestilah mengutamakan negeri yang paling hampir terlebih dahulu. Beliau berpendapat haram hukumnya memindahkan zakat ke negeri yang jauh jika masih terdapat keperluan asnaf yang belum dipenuhi di negeri yang terhampir.

Berdasarkan pandangan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam kitab *Sabil al-Muhtadin* berkaitan isu lokaliti dan pemindahan zakat oleh pemerintah, penulis mendapati pandangan tersebut adalah selari dengan pandangan para ulama *syafi'iyah* dan *hanabilah* yang membenarkannya (al-Qaradawi, 1973) malah lebih hampir kepada pandangan sebahagian ulama *malikiyyah* yang menghukumnya wajib dalam keadaan ketiadaan asnaf dan lebihan *kifayah* (al-Dasuqi, t.t.). Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab pemerintah untuk membuat penelitian dan kajian mendalam sebelum memindahkan lokaliti zakat agar keperluan asnaf di negeri tersebut benar-benar dipenuhi sebelum melaksanakan tanggungjawab membantu asnaf di negeri-negeri yang lain.

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan fiqh dan pemilihan pendapat berkaitan isu lokaliti dan pemindahan zakat oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam kitab *Sabil al-Muhtadin*, dapat dilihat keterbukaan beliau dalam menangani masalah ekonomi khususnya berkaitan zakat yang timbul pada zamannya. Daripada tinjauan umum yang dibuat beliau juga masih bersikap terbuka terhadap penerimaan pandangan fuqaha daripada mazhab lain walaupun kita sedari bahawa Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari telah menggunakan metodologi dan epistemologi *syafi'iyah* ketika menulis kitabnya yang masyhur ini. Selain itu, pandangan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari yang mengharuskan pemindahan hasil zakat oleh pemerintah secara mutlak dan pemilik harta dengan keizinan pemerintah dan lain-lain dilihat *futuristic* dan begitu praktikal untuk diamalkan pada masa kini. Oleh yang demikian, pandangan hukum tersebut bakal membantu badan-badan berkuasa berkaitan mengurangkan masalah lebihan hasil kutipan zakat setiap tahun. Semoga kajian ini dapat memberikan nilai tambah terhadap isu yang dikaji dan mencadangkan penambahbaikan terhadap undang-undang dan sistem sedia ada terutamanya dalam isu pemindahan hasil zakat antara wilayah dan negeri di Malaysia.

Rujukan

Abdul Rahman Abdullah (2016). *Biografi Agung Syeikh Arsyad al-Banjari*. Shah Alam: Grup Buku Karangraf Sdn. Bhd.

Abu 'Ubaid (1975). *al-Amwal*. Kaherah: Dar al-Fikr.

Al-'Asqalani, Ibn Hajar (1986). *Fath al-Bari*. Beirut: Dar al-Rayyan.

Al-Dusuqi, Ibrahim Abdul Aziz (t.t.). *Hashiyah al-Dusuqi*. Jil.1. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.

- Al-Nawawi, Zakariya Yahya (1983). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qaradawi, Muhammad Yusuf (1973). *Fiqh al-Zakat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad Abu Bakar (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Jil.10. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Anon (2005, 25 Mei). Sheikh Muhammad Arsyad Al-Banjari (1710-1812). *Dewan Agama dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. M. Asywadie Syukur (terj.) (1987). *Kitab Sabil Muhtadin II*. Surabaya: PT Bina Ilmu.
- Ibn al-Arabi, Abu Bakar Muhammad Abdullah (1984). *Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Luqman Abdullah, Paezah Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, Ummi Farahin Yassin, Mohd Anuar Ramli & Wan Zulkifli Wan Hassan (2013). *Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Fatwa-Fatwa Zakat di Malaysia: Sorotan Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dari Tahun 2000-2010*. Dalam: Seminar Isu-isu Kontemporari dalam Mazhab Shafi'i. Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei, 139-155.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Naser Katib (2004). *Economy*. Thomson Asia Pte Ltd: Australia.
- Muhammad Syukri Salleh (2004). *Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis*. Kertas Kerja Persidangan Muzakarah Pakar Zakat anjuran Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 105-117.
- Muhammad Yusri Yusof @Salleh, Paiz Hassan, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin & Hamdi Rahman Mohd Yaacob (2010). *Beberapa Aspek Pemikiran Ekonomi Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari Berkaitan Zakat: Analisis Terhadap Kitab Sabil Al-Muhtadin*. Kertas Kerja Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke III, Pontianak, Kalimantan Barat pada 8-10 Oktober 2010.
- Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (t.t.). *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din*. t.tp.: Percetakan al-Ma'arif Sdn. Bhd.
- Ummi Farahin Yasin, Noor Naemah Abd Rahman, Mohd Faez Mohd Shah (2013). Pengambilkiraan realiti semasa dalam berfatwa: analisis terhadap fatwa zakat di Selangor. *Jurnal Fiqh*, 10, 91-117.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (2004). *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Jil. 6. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (2008, 1 Januari). Ulama Hasil Perkahwinan Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari. *Utusan Malaysia*. Laman sesawang http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0114&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm
- Wan Mohd Shaghir Abdullah (2008, 3 Februari). Keturunan Sheikh Muhammad Arsyad Al-Banjari. *Utusan Malaysia*. Laman sesawang http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0107&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm

Wan Mohd Shaghir Abdullah (2009), *Koleksi Ulama Nusantara*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.